



Trio Impian Perangsang Selangor gilap potensi atlet

Zuhri permata baru Selangor



GOMBAK - Program pencarian bakat sepak takraw Trio Impian **Perangsang Selangor** bagi daerah Gombak berjaya mengesan Zuhri Muhammad Zain iaitu pelajar berusia 16 tahun dari Taman Melawati yang dilihat berpotensi dimajukan sebagai atlet Selangor.

Dengan ketinggian hampir 190 sentimeter, Zuhri yang beraksi di posisi tekong mempunyai ciri hampir sama dengan tekong kebangsaan terkini iaitu Syahir Rosdi.

Kemampuan beliau melakukan servis ke pelbagai sudut dengan kelajuan yang hebat turut membuatkan bekas pemain negara iaitu Zulkarnain Arif yang turut menjadi jurulatih dalam

program itu kagum dengan kemampuan beliau.

Program disertai 42 peserta itu berjalan lancar dan turut mendapat sokongan daripada ibu bapa sekitar Gombak selain turut membantu pelajar mempersiapkan diri bagi kejohanan MSSD Gombak yang bakal berlangsung, pada Februari ini.

Selain Zulkarnain, dua lagi bekas pemain sepak takraw Selangor iaitu Mat Supian Samad dan Airul Anwar Azman turut sama mencurahkan ilmu juga pengalaman bagi memantapkan lagi kemahiran peserta.

Pada hari pertama, peserta didedahkan dengan pelbagai teknik latihan termasuk pendekatan 'Total Warm-up', 'Court Graph' dan

'Sports Imagery'.

Ketua jurulatih, Syarudin Nazir berkata, tempoh dua hari program yang turut dibantu Gajah Emas Industries itu mencukupi untuk tujuan pendedahan dan membina jaringan diantara penggiat sepak takraw daerah Gombak.

Ia turut dijemakan dengan sesi praktikal apabila kejohanan mini turut dijalankan pada hari kedua.

Peserta diundi dan membentuk regu lalu perlawanan dengan format liga dijalankan dengan regu Korea B muncul juara menewaskan regu Putra Selayang dengan mata 3029.

Maklumat lanjut berkenaan program boleh didapati di Bolarotan.com dan di Facebook rasmi Bolarotan.